

Kadar tol kekal sehingga akhir 2017

BH 4/11

➔ Penangguhan babit pampasan ditanggung kerajaan RM653.09 juta

Oleh Nazura Ngah, Rohaniza Idris dan Luqman Arif Abdul Karim

bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Kadar tol di 12 lebuh raya seluruh negara tidak akan dinaikkan tahun ini dan tahun depan, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Pengekalan kadar tol itu mem-babitkan lapan lebuh raya yang berhak menerima kenaikan tol tahun ini, manakala empat lagi berhak menerima kenaikan tol tahun depan dengan jumlah implikasi pampasan yang akan ditanggung kerajaan berikutan penangguhan sehingga 31 Disember tahun depan itu ialah sebanyak RM653.09 juta.

Lapan lebuh raya itu ialah Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), Link Kedua Malaysia-Singapura, Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuhraya Daman-

sara-Puchong (LDP), Butterworth-Kulim Expressway (BKE), Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH).

Lapan jajaran itu membabitkan pampasan berjumlah RM593.32 juta.

Empat lebuh raya yang layak menerima kenaikan tol tahun depan ialah Lebuhraya Penyuraian Trafik Johor Timur (EDL), Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS), Lebuhraya Senai-Desaru (SDE) dan Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE).

Tangguh pelarasan

Fadillah berkata, jumlah pampasan tol bagi empat lebuh raya yang tidak menerima kenaikan tol tahun depan dianggar RM59.77 juta.

"Kabinet pada 12 Oktober lalu memutuskan untuk menangguhkan cadangan pelarasan kadar tol bagi tahun 2016 dan 2017, ini bermakna tiada kenaikan tol untuk tahun ini dan tahun depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 peringkat dasar bagi Kementerian Kerja Raya di Dewan Rakyat, semalam.

Dalam satu kenyataan, Fadillah berkata, jumlah sebenar pampasan hanya dapat ditentukan selepas proses audit bersama dimuktamadkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan juruaudit syarikat konsesi terbabit.



Kerajaan menangguhkan kenaikan kadar tol 12 lebuh raya sehingga Disember tahun depan